

## **UNEMPLOYMENT AMONG FORMER PRISONERS AS A DETERMINANT FACTOR TO CRIME REPETITION IN MALAYSIA: CASE STUDY ON FORMER PRISONERS AT CHOW KIT ROAD**

### **PENGANGGURAN DALAM KALANGAN BEKAS BANDUAN SEBAGAI FAKTOR PERAMAL KEPADA PENGULANGAN JENAYAH DI MALAYSIA: KAJIAN KES KE ATAS BEKAS BANDUAN DI JALAN CHOW KIT**

**Mohd Alif Jasni<sup>1</sup>,  
Siti Hajar Abu Bakar Ah,  
Jal Zabdi Mohd Yusoff,  
Khairiyah Md. Shahid,  
Noralina Omar,  
Zaiton Azman**

<sup>1</sup>Pelajar Peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya  
Email: alevmikail@gmail.com  
mohdalifjasni@gmail.com

**Accepted date: 26 February 2018**

**Published date: 10 April 2018**

#### **To cite this document:**

Jasni, M.A., Abu Bakar, S.H., Mohd Yusoff, J.Z., Md. Shahid, K., Omar, N., & Azman, Z. (2018). Pengangguran dalam Kalangan Bekas Banduan Sebagai Faktor Peramal kepada Pengulangan Jenayah di Malaysia: Kajian Kes ke Atas Bekas Banduan di Jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 1-20.

---

**Abstrak:** Pengangguran dalam kalangan bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara membawa kepada kecederungan mereka untuk melakukan jenayah bagi menampung kehidupan mereka. Pebagai faktor pengangguran yang dikenalpasti dari segi rekod jenayah yang dimiliki, stigma majikan dalam mengajikan bekas banduan, tahap pendidikan yang rendah, dan ketiadaan pengalaman kerja. Keadaan ini membawa kepada suatu inisiatif untuk membuktikan akan wujudnya hubungan di antara pengangguran bekas banduan dengan perkembalian mereka ini ke dalam aktiviti jenayah ini. Kajian ini bertitik tolak dari sebuah kajian peringkat Doktor Falsafah mengenai faktor pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan. Salah satu daripada

*objektif kajian tersebut adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai faktor-faktor risiko yang menyebabkan bekas banduan mengulang-laku aktiviti jenayah mereka. Temubual mendalam telah dilakukan ke atas 19 orang bekas banduan yang mempunyai rekod pemenjaraan telah dijalankan di sekitar Jalan Chow Kit pada pertengahan tahun 2016. Analisis kajian memperlihatkan kesukaran bekas banduan untuk memperolehi pekerjaan menjadi salah satu faktor peramal yang membawa kepada kecederungan mereka untuk memilih 'jalan mudah' atau 'tidak sah' dalam memperolehi punca pendapatan. Dapatkan kajian ini berupaya membekalkan maklumat yang realistik dalam mencadangkan pembentukan sebuah program penempatan pekerjaan untuk bekas banduan sebaik dibebaskan dari penjara untuk membimbing bekas banduan untuk menjadi seorang yang produktif sepanjang dibebaskan.*

**Kata kunci:** Pengangguran; Pekerjaan, Rekod jenayah, Bekas banduan, Stigma majikan

**Abstract:** *Unemployment among former prisoners after their release led to their tendency to commit crime to fund their life. There are various factors which are identified in terms of unemployment such as criminal records, employers stigma, lack of education, and work experience. This situation led to an initiative to prove the existence of a relationship between unemployment and crime repetition among ex-prisoners. This study stems from a research doctorate on the re-offending among former prisoners. One of the objective of the study is to gather information on the risk factors that caused the former prisoner to repeat their criminal activities. In depth interviews were conducted over 19 former prisoners who have a record of imprisonment which was conducted at Jalan Chow Kitt in mid 2016. The analysis shows the difficulties former prisoners to get a job has become as one of predictive factors which leading to their tendency to choose "the easy way 'or 'illegitimate way' in getting source of income. This study seeks to provide information that is realistic in proposing the establishment of a job placement program for former prisoners once released from prison in order to help them to become productive throughout the release.*

**Keywords:** Unemployment, Employment, Criminal records, Ex-prisoner, Employers stigma

---

## Pendahuluan

Di dalam konteks sistem keadilan jenayah, isu pembebasan banduan ke dalam kehidupan bermasyarakat merupakan perkara yang sering diperdebatkan oleh masyarakat apabila berlakunya pengulangan bekas banduan ke dalam tingkah laku jenayah sepanjang bebas di dalam kehidupan berkomuniti. Pemenjaraan nampaknya mempunyai kesan yang negatif ke atas bekas banduan dalam pencarian kerja (Pettit & Lyons, 2007). Kajian telah mendapati pembebasan bekas banduan bukan berakhir di situ sahaja apabila mereka yang bebas ini turut membawa sekali dengan rekod pemenjaraan sepanjang hidupnya. Rekod jenayah lampau ini jelas menjadi penghalang terbesar buat bekas banduan terutama dalam pencarian pekerjaan. Hal ini didapat terdapat banyak kajian yang menunjukkan kegagalan bekas banduan untuk memperolehi pekerjaan kerana rekod jenayah lampau mereka (Holzer, Raphael & Stoll, 2004; Travis, 2005), masalah buta huruf, ketiadaan latarbelakang pendidikan yang formal, kemahiran vokasional yang tidak mencukupi dan kekurangan kemahiran interpersonal (Aos, Miller & Drake, 2006; Chappell, 2004; Erisman & Contardo, 2005; Fashey, Roberts & Engel, 2006; Harlow, 2003; Hollin & Palmer, 2009; Rossman

& Roman, 2003; Steurer & Smith, 2003; Vacca, 2004; Winterfield, Coggeshall, Burke-Storer, Correa & Tidd, 2009).

Dalam pelbagai sebab kepada pengangguran dalam kalangan bekas banduan, kajian cuba membuktikan stigma majikan merupakan faktor yang terbesar sekali yang menyukarkan pencarian kerja oleh bekas banduan sepanjang dibebaskan. Ianya berpunca daripada kebimbangan majikan terhadap bekas banduan yang dilihat mempunyai kecenderungan untuk mengulangi jenayah pada masa akan datang berbanding daripada orang-orang yang tidak mempunyai sejarah jenayah (Kurlychek, Brame & Bushway, 2006). Impak yang boleh berlaku dari perasaan patah semangat ini apabila bekas banduan tidak lagi mahu cuba mendapatkan kerja lain. Ianya adalah kesan besar yang boleh membawa kepada perkembalian bekas banduan semula kepada aktiviti jenayah yang lama. Kajian ini cuba menyampaikan tentang isu kesukaran yang timbul dalam mendapatkan pendapatan sehingga menyebabkan wujudnya bekas banduan yang beralih kepada cara-cara yang tidak sah untuk mendapatkan wang bagi menyara diri. Kajian turut mendapati kebanyakan bekas banduan cenderung menganggur atau mempunyai pengalaman kerja yang tidak stabil sepanjang dibebaskan ke dalam kehidupan berkomuniti (Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Levenson 2009; McGrath, Lasher & Cumming 2011). Maka dengan itu, kajian ini melihat memperolehi pekerjaan selepas pembebasan adalah peramal penting untuk mengelakkan dari residivisme dan memastikan kejayaan kemasukan semula bekas banduan ke dalam masyarakat (La Vigne, Davies, Palmer, & Halberstadt 2008).

### ***Pengulangan Jenayah di Malaysia***

Pengulangan jenayah yang berlaku telah menimbulkan persoalan tentang mengapa terdapat bekas banduan yang mengulangi jenayah; sedangkan dalam masa yang sama terdapat juga sesetengah banduan yang berjaya mengelakkan diri dari jenayah. Jabatan Penjara Malaysia (2017) melaporkan sehingga akhir tahun 2014 terdapat seramai 94,495 orang banduan telah dibebaskan daripada hukuman pemenjaraan di penjara-penjara seluruh negara. Agensi tersebut juga melaporkan bagi tempoh yang sama terdapat seramai 7,619 orang banduan pengulanglaku jenayah; iaitu bekas banduan yang dibebaskan dalam tempoh masa 3 tahun dan dipenjarakan semula. Perangkaan ini menunjukkan terdapat ramai bekas banduan yang terus terjebak di dalam kehidupan berkait jenayah semasa berada dalam tempoh pembebasan; iaitu ketika berada di dalam proses integrasi semula dengan anggota masyarakat, sehingga tingkah laku jenayah yang berterusan ini telah membawa kepada pemenjaraan semula. Secara tidak langsung, situasi di atas memperlihatkan bekas banduan tidak mampu berintegrasi semula dengan masyarakat mereka. Ataupun, anggota masyarakat tidak dapat menerima kehadiran bekas banduan di dalam kehidupan mereka.

Bilangan banduan pengulanglaku jenayah; iaitu bekas banduan yang ditangkap atas jenayah yang dilakukan yang kemudiannya dihukum pemenjaraan semula semakin meningkat. Perangkaan dalam Jadual 1 menunjukkan populasi banduan dalam penjara adalah besar. Statistik dalam jadual tersebut juga menunjukkan yang bilangan pengulanglaku jenayah meningkat agak mendadak saban tahun. Perkara ini amat membimbangkan dan menimbulkan keresahan dalam kalangan orang awam.

**Jadual 1: Banduan Pengulanglaku Jenayah, 2000-2016**

Tahun	Bebas 3 Tahun	Banduan Pengulanglaku Jenayah	
	Jumlah (Orang)	Jumlah (Orang)	Peratus (%)
2000	27,579	11,157	28.8
2001	29,253	12,215	29.5
2002	32,574	16,669	33.9
2003	49,757	15,878	24.2
2004	46,564	19,202	29.2
2005	41,477	19,857	32.4
2006	55,869	16,746	23.1
2007	62,966	18,918	23.1
2008	79,144	8,019	9.3
2009	56,503	23,375	29.3
2010	75,397	5,524	7.32
2011	76,699	6,033	7.86
2012	81,862	6,524	7.97
2013	88,883	6,769	7.61
2014	94,495	7,619	8.06
2015	102,214	8,897	8.70
2016*	50,747*	4,359*	8.59*

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2017.

\*Tahun 2016 pengulanglaku jenayah/ pengulangan jenayah tidak mengambil kira kesalahan pengulangan dada.

Secara realitinya, proses integrasi semula bukanlah suatu yang mudah kerana status mereka sebagai bekas banduan membawa pelbagai stigma negatif yang lazimnya menyebabkan mereka disisih daripada kehidupan masyarakat. Tekanan yang berlaku ini menyebabkan bekas banduan kembali semula ke dalam tingkah laku jenayah. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi terlibat semula dengan kegiatan atau aktiviti jenayah. Faktor-faktor tersebut boleh bersifat peribadi, keluarga, rakan sebaya dan juga komuniti. Contohnya, antara faktor risiko sahsiah diri yang menjelaskan kejayaan bekas banduan untuk mengurangkan pengulangan jenayah termasuklah halangan dalam mendapatkan pekerjaan yang sah, kekurangan kestabilan kewangan, tingkah laku antisosial, pengaruh rakan sebaya yang negatif, penyalahgunaan dada, penyakit mental (Andrews & Dowden, 2006).

Namun fokus kajian ini akan bertumpu kepada kegagalan bekas banduan untuk memperolehi akibat daripada rekod jenayah yang dipegang. Rekod jenayah ini telah menimbulkan stigma negatif dalam mengajikan bekas banduan ini. Kebanyakan bekas banduan cenderung menganggur atau mempunyai pengalaman kerja yang tidak stabil (Berg & Huebner, 2011; Denver, Siwach & Bushway, 2017; Hanson & Harris, 2000; Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Kruttschnitt, Uggen & Shelton, 2000; Levenson, 2009; McGrath et al., 2011; Stoll & Bushway, 2008; Wang, Mears & Bales, 2010). Kebanyakan bekas banduan gagal memperolehi kerja kerana faktor-faktor berikut:

- (1) Pekerjaan rekod jenayah lampau mereka (Bushway & Reuter, 2002; Fashey et al., 2006; Holzer et al., 2004; Pettit & Lyons, 2007; Ramakers, Apel, Nieuwbeerta, Dirkzwager & Wilsen, 2014; Travis, 2005),

- (2) buta huruf, tahap pendidikan dan kemahiran vokasional yang rendah dan kekurangan kemahiran interpersonal (Aos et al., 2006; Chappell, 2004; Erisman & Contardo, 2005; Fashey et al., 2006; Harlow, 2003; Rossman & Roman, 2003; Steurer & Smith, 2003; Vacca, 2004; Winterfield et al., 2009),
- (3) tidak mempunyai '*resume*' yang berdaya saing, tidak mempunyai kemahiran kerja serta membawa bersama stigma negatif disebabkan oleh rekod dan sejarah jenayah mereka (Pager, 2003; Vacca, 2004) dan,
- (4) kebimbangan majikan terhadap bekas banduan yang dilihat mempunyai kecenderungan untuk mengulangi jenayah pada masa akan datang (Bellair & Kowalski, 2011; Buck, 2000; Fashey et al., 2006; Holzer et al., 2004).

Rekod jenayah dan stigma majikan menyebabkan bekas banduan menghadapi cabaran yang besar dalam mencari kerja dan terpaksa berhadapan dengan persaingan pekerjaan yang sengit (Aaltonen, Macdonald, Martikainen & Kivivuori, 2013; Aaltonen, Skardhamar, Nilsson, Andersen & Backman, 2017; Giguere & Dundes, 2002; Kurlychek et al., 2006; Petersilia, 2003; Visher, Bebus & Yahner, 2008). Impaknya, pengalaman tersebut mendorong bekas banduan yang menganggur untuk mengulangi jenayah dan dipenjarakan semula (Baharom, & Habibullah, 2008, 2009; Pettit & Lyons, 2007).

Cabarannya bekas banduan menjadi lebih sukar apabila ketiadaan program pekerjaan yang disediakan oleh pihak penjara sebaik dibebaskan. Bekas banduan yang dibebaskan tanpa sebarang bantuan perkhidmatan dari pihak penjara menjadikan mereka sukar untuk memperolehi pekerjaan sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti. Bagi konteks Malaysia, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang disediakan kepada bekas banduan dapat dilihat menerusi pelaksanaan sistem parol dan rumah perantaraan (Jabatan Penjara Malaysia, 2012; Khadijah, Fauziah, Suhaimi, Shahrazad, Salina & Norulhuda, 2013; Wan & Najibah, 2014). Permasalahan yang dikenalpasti daripada program parol dan rumah perantaraan sedia ada ini apabila ianya bersifat selektif dan tidak dapat ditawarkan kepada seluruh banduan setiap kali dibebaskan. Kebolehan untuk mendapat akses ke dalam sistem parol bergantung kepada kesalahan yang dilakukan dan hanya akan dipertimbangkan setelah banduan selesai menjalani separuh daripada hukuman di dalam penjara. Begitu juga dengan program rumah perantaraan yang didapati mempunyai limitasi yang tersendiri apabila tidak mampu menampung kadar jumlah banduan yang dibebaskan setiap tahun akibat daripada infrastruktur yang begitu terhad di Malaysia. Malahan program-program ini tidak menyediakan program penempatan pekerjaan yang membantu bekas banduan ini memperolehi pekerjaan.

Program penempatan pekerjaan yang dimaksudkan pengkaji adalah sebuah program yang dibentuk secara teliti dengan mengenalpasti majikan-majikan yang bersesuaian yang bersedia untuk menjalankan program penempatan pekerjaan buat bekas banduan setiap kali dibebaskan, pemberian insentif dalam memastikan penyertaan majikan ke dalam program, memastikan tahap kesediaan bekas banduan untuk menjalani dunia pekerjaan dengan lancar sepanjang berada di dalam komuniti. Keadaan ini membuatkan bekas banduan yang dibebaskan tanpa sebarang bantuan pekerjaan dari pihak penjara. Bekas banduan yang dibebaskan perlu mencari pekerjaan atas usaha sendiri dan sering mengalami kegagalan akibat dari rekod pemenjaraan yang

dibebaskan. Pengangguran yang berterusan menyebabkan tekanan hidup yang tinggi sehingga cenderung untuk memilih kehidupan jenayah dalam memperolehi pendapatan yang tidak sah. Secara keseluruhan, objektif kertas kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada pengangguran dalam kalangan bekas banduan
- (ii) Membuktikan hubungan di antara pengangguran dengan kecederungan bekas banduan untuk terlibat di dalam aktiviti jenayah.
- (iii) Mencadangkan sebuah program penempatan pekerjaan yang dapat diberikan kepada bekas banduan setiap kali dibebaskan dari penjara

Kajian ini diteruskan dengan lebih lanjut mengenai kepentingan pekerjaan sebagai komponen yang penting untuk dititikberatkan dalam memastikan kejayaan integrasi bekas banduan setiap kali dibebaskan dari penjara.

### ***Kepentingan Pekerjaan dalam Memastikan Kejayaan Integrasi Bekas Banduan***

Terdapat konsensus umum bahawa pekerjaan yang stabil menggalakkan pengelakkan daripada jenayah dalam kalangan bekas banduan (Kazemian & Maruna, 2009). Pekerjaan adalah penting kepada proses integrasi semula dan menunjukkan bahawa kerja yang stabil dapat mengurangkan insentif yang membawa bekas banduan kembali kepada penglibatan ke dalam jenayah (Baron, 2008; Sampson, Laub, & Wimer, 2006; Western, 2006). Sebaliknya, pengangguran menyebabkan kecederungan yang tinggi untuk mengulangi perbuatan jenayah dalam kalangan bekas banduan (Meredith, Speir & Johnson, 2007; Morenoff & Harding, 2011). Pekerjaan memberi bekas banduan rasa tujuan dan maksud hidup, sambil menyediakan rutin dan mengurangkan pendedahan kepada situasi yang boleh menyebabkan mereka terlibat semula ke dalam tingkah laku jenayah (Berg & Huebner, 2011). Potensi bekas banduan yang berjaya mengekalkan pekerjaan yang stabil menyebabkan kecederungan mereka untuk mengulangi kesalahan semula dan dipenjarakan semula adalah lebih rendah (La Vigne, Brooks & Shollenberger, 2007). Gottfredson dan Hirschi (1990) mendakwa bahawa individu yang mempunyai pekerjaan mempunyai kecenderungan untuk menghormati undang-undang, dan pematuhan terhadap peraturan sosial ini mengelakkan mereka daripada terlibat atau melakukan aktiviti jenayah. Dengan kata lain, individu yang mempunyai pekerjaan tidak akan memaparkan kecenderungan untuk melakukan jenayah kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Pekerjaan adalah satu aktiviti yang memerlukan penggunaan masa dan tenaga. Maka individu yang bekerja tidak akan menyibukkan dirinya dengan perilaku jenayah yang sekaligus mengelakkan mereka dari kehidupan jenayah.
- (ii) Perkerjaan juga adalah satu aktiviti untuk mendapatkan pendapatan. Keadaan ini mengurangkan keperluan individu untuk melakukan jenayah demi mendapatkan wang. Kecenderungan yang membawa seseorang terlibat dalam kehidupan jenayah adalah dalam memperolehi ‘duit mudah’. Duit yang diperolehi menerusi tindakan bersifat jenayah seperti merompak, meragut, dan menjual dadah.

(iii) Pekerjaan membuatkan seseorang individu memperolehi status dan rasa keyakinan diri. Atas sebab itu, individu yang secara sah memperoleh pekerjaan akan mengelakkan aktiviti menyalahi undang-undang.

(iv) Sekiranya individu yang memiliki pekerjaan terlibat dalam aktiviti jenayah, ia akan menghadapi risiko kehilangan masa kerja. Maka dengan itu, mereka akan berusaha untuk mengelakkan diri dari jenayah dalam mengekalkan pekerjaan tersebut.

Dengan hujah ini, pekerjaan yang baik adalah perlu untuk mendorong bekas banduan mengelakkan diri dari aktiviti jenayah (Kurlychek, Bushway & Brame, 2012). Hanya pekerjaan yang berkualiti dengan jam yang mencukupi dan bayaran yang setimpal atau pekerjaan yang memuaskan dapat membawa kepada kerjaya kerja yang berdaya maju yang akhirnya dianggap memberi kesan kepada kadar residivisme. Kualiti kerja didapati mengurangkan kemungkinan perlakuan jenayah di kalangan bekas banduan berisiko tinggi. Banduan juga lebih cenderung untuk membina hubungan yang rapat dengan orang (rakan sekerja) konvensional di tempat kerja dan akhirnya menjadi lebih cenderung untuk mematuhi peraturan sosial. Ahli-ahli teori pilihan rasional sangat vokal dalam memperjuangkan ‘*monetary gain*’ yang datang dengan pekerjaan (Wadsworth, 2006). Mengikut model ini, jika ganjaran yang boleh didapati dari pekerjaan melebihi daripada apa yang boleh didapati daripada jenayah, banduan itu mungkin berhenti daripada jenayah kerana mereka boleh mendapat pendapatan yang signifikan dari pekerjaan. Tiga perkara utama membentuk rangka *desistance* dan pekerjaan adalah:

- (i) keuntungan kewangan yang ditawarkan,
- (ii) ikatan sosial yang disediakan oleh kerja; dan
- (iii) had masa yang ada untuk melakukan jenayah.

Kajian menunjukkan kualiti pekerjaan juga nampaknya menjadi penting untuk mengurangkan pengulangan jenayah (Uggen & Staff, 2001). Akhir sekali, didapati program-program berasaskan kerja boleh mengurangkan kadar tangkapan terhadap bekas banduan ini. Hampir semua teori-teori kriminologi klasik telah menunjukkan hubungan yang negatif antara beberapa aspek pekerjaan dan pengulangan jenayah. Sebagai contoh, teori anomie Robert Merton mencadangkan bahawa hasil jenayah sebahagiannya daripada ketidakupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang membawa kepada kejayaan memperolehi material (Uggen & Staff, 2001).

## **Metodologi Kajian**

Pada pertengahan tahun 2016, sebuah kajian peringkat Doktor Falsafah mengenai pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan yang telah dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif di sekitar Jalan Chow Kit. Matlamat utama kajian tersebut dilakukan adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi bekas banduan yang membawa kepada faktor untuk mengulangi jenayah selepas dibebaskan dari penjara. Populasi kajian tersebut adalah bekas banduan yang mempunyai rekod tanpa mengira kesalahan dan telah tamat hukuman pemenjaraan, dan kini sedang berada dalam proses integrasi semula yang berlangsung dalam komuniti. Teknik persampelan bola salji (*snowball sampling*) telah digunakan dalam mengenalpasti responden kajian yang menepati ciri-

ciri inklusif kajian. Seramai 19 orang bekas banduan; yang terdiri daripada 17 orang lelaki dan 2 orang perempuan telah secara sukarela bersetuju menjadi responden kajian ini. Kesemua mereka telah ditemubual secara mendalam oleh pengkaji dengan berpandukan satu protokol temu bual berstruktur yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Semua verbatim terkumpul telah diproses menggunakan program Atlas.Ti. Verbatim yang terkumpul berkaitan dengan faktor pengangguran yang membawa kecederungan kepada penglibatan semula ke dalam aktiviti jenayah semula dan pengulangan jenayah akan dilampirkan di dalam bahagian dapatan kajian berikut.

## **Dapatan dan Analisis Kajian**

Pekerjaan merupakan keperluan penting bekas banduan dalam memastikan mereka berjaya berintegrasi di dalam kehidupan berkomuniti (Baron, 2008; Solomon, Johnson, Travis & McBride, 2004; Travis, 2005; Uggen, 2000). Kejayaan atau kegagalan dalam memperolehi pekerjaan berupaya mempengaruhi trajektori kehidupan bekas banduan di dalam proses integrasi. Kegagalan memperolehi pekerjaan mempunyai kesan yang kritikal ke atas kehidupan bekas banduan. Pengangguran menyebabkan bekas banduan mengalami kesempitan hidup. Ini kemudiannya mendorong mereka memilih jalan singkat melibatkan diri di dalam aktiviti jenayah bagi mendapatkan sumber kewangan. Faktor-faktor kegagalan bekas banduan memperolehi pekerjaan telah dikelompokkan kepada dua bentuk yang utama; iaitu faktor peribadi bekas banduan itu sendiri, serta faktor majikan.

### A. *Faktor peribadi bekas banduan*

Kajian ini mendapati terdapat lima faktor yang berpunca daripada sahsiah diri bekas banduan yang menyumbang kepada pengangguran mereka. Lima faktor tersebut adalah:

#### (i) Rekod Jenayah

Pemenjaraan menyebabkan bekas banduan sukar memperolehi peluang pekerjaan (Malott & Fromader, 2010; Pettit & Lyons, 2007). Pembebasan bekas banduan bukan berakhir di situ sahaja. Rekod jenayah lampau sentiasa ada di sepanjang hidup mereka. Rekod jenayah yang dimiliki oleh bekas banduan menjadi penghalang terbesar untuk mereka mencari dan memperoleh pekerjaan (Bales & Mears, 2008; McMackin, Tansi & Lafratta, 2004). Daripada temubual yang dilakukan, sebanyak 13 orang responden kajian ini menyatakan bahawa rekod jenayah lampau menghalang mereka mencari dan memperolehi pekerjaan. Rata-rata mengatakan rekod ini membuatkan majikan enggan mengambil mereka bekerja. Namun untuk tujuan kertas kajian ini, pengkaji hanya memetik beberapa verbatim responden sahaja bagi menunjukkan impak rekod jenayah yang dipegang mereka ini dalam proses pencarian kerja. Antara verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

*Bekas banduan yang hendak bekerja, jadi benda (merujuk kepada rekod jenayah) itu yang jadi menyusahkan. Bila sudah kerja sebulan itu, bila sampai tempoh penapisan rekod, pasti saya akan gagal penapisan. Masa itu majikan tahu yang saya ada rekod penjara, rekod masuk pusat serenti.*

(Muiz/ 28 April 2016/ 9.15 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Bila kita memohon kerja, sebagai contoh di kedai lah kan, tuan kedai akan meminta kad pengenalan (IC) kita, dan akan menyemak rekod kita, sama ada mempunyai rekod penjara atau tidak.*

(Syafiq/ 28 April 2016/ 11.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Apabila saya hendak memohon sesuatu kerja, pertama kali mereka akan menyemak rekod penjara yang terdahulu. Saya selalu gagal penapisan sebab semakan rekod penjara ini lah.*

(Hafiz/ 28 April 2016/ 12.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Ianya dilihat atas bentuk kerja juga lah. Kadang-kadang, majikan akan menyemak rekod. Kadang-kadang sebab memiliki rekod, majikan tidak mahu mengambil bekerja.*

(Suhaimi/ 28 April 2016/ 2.11 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Sememangnya saya melihat wujudnya sesetengah tempat ini, majikan-majikan tidak mahu mengambil pekerja dari kalangan bekas banduan.*

(Rizal/ 28 April 2016/ 3.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*(ii) Sikap ketidakjujuran dengan merahsiakan rekod*

Rekod jenayah lampau yang menjadi penghalang kepada bekas banduan memperolehi pekerjaan mendorong kebanyakan mereka menyembunyikan status sebenar daripada majikan (Holzer et al., 2004). Tujuan mereka merahsiakan rekod jenayah adalah disebabkan khuatir tidak akan diambil bekerja sekiranya berterus terang. Sikap kebanyakan majikan yang tidak mahu menerima bekas banduan sebagai pekerja, serta melihat bekas banduan sebagai liabiliti kepada syarikat juga mendorong bekas banduan sukar berlaku jujur menyatakan status mereka. Lufti, Muiz, Rahimah, dan Fikri mengakui yang mereka terpaksa merahsiahkan tentang rekod jenayah ketika memohon pekerjaan. Antara verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

*Kadang-kadang saya menipu, sebab saya inginkan kerja. Saya terpaksa menipu tetapi setiap majikan dalam bidang pengawal keselamatan ini mewajibkan penyemakan rekod ke atas setiap pekerja dia, jadi saya tidak boleh buat apa lah.*

(Lufti/ 28 April 2016/ 8.26 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Ketika memohon kerja, saya tidak akan beritahu rekod lampau saya, sebab dari pengalaman yang diceritakan oleh rakan-rakan, apabila kita mempunyai rekod jenayah, ianya akan menyukarkan kita untuk mendapatkan pekerjaan. Jadi, saya merahsiakan, tak perlu menceritakan. Saya tidak menceritakan rekod jenayah saya sebab benda itu lah.*

(Muiz/ 28 April 2016/ 9.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS).

*Saya tidak akan memberitahu (rekod jenayah lampau). Kecuali kalau majikan yang boleh memahami cabaran bekas banduan ini dalam memperolehi kerja.*

(Rahimah/ 29 April 2016/ 9.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS )

*Saya seringkali merasahkan rekod saya kerana takut tidak diterima berkerja, saya takut, selain itu, saya pun nak jaga air diri saya. Saya tidak suka berkongsi kisah lepas saya pada orang.*

(Fikri/ 24 Ogos 2016/ 9.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Dengan merasahkan rekod jenayah mereka daripada pengetahuan pihak majikan, terdapat juga bekas banduan yang berjaya memperolehi pekerjaan. Namun malang yang timbul apabila pekerjaan yang diperolehi ini tidak dapat berkekalan apabila mereka diberhentikan kerja sebaik rekod mereka diketahui oleh pihak majikan. Terdapat bekas banduan yang mengatakan majikan yang memberhentikan mereka dengan serta merta sehingga ada yang mengakui bahawa tidak menerima gaji terakhir sebagai hukuman kerana merasahkan rekod jenayah. Keadaan ini telah memberi tamparan yang besar buat bekas banduan yang langsung tidak dapat menerima gaji sepanjang berkhidmat pada bulan tersebut. Nabil dan Amir yang mempunyai pengalaman diberhentikan kerja apabila majikan berjaya mengesan rekod lampau mereka. Mereka mengatakan majikan secara automatik akan memberhentikan mereka daripada pekerjaan sebaik mengenalpasti rekod mereka. Selain itu antara verbatim responden kajian yang turut memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

*Mula-mula saya tidak tahu, lepas 3 bulan saya akn dapat notis diberhentikan kerja oleh pihak majikan kerana memiliki rekod jenayah.*

(Nabil / 29 April 2016/ 11.22/ Pagi/ Persatuan IKHLAS )

*Kerja yang saya selalu kerja ialah dalam bidang keselamatan lah, tetapi selepas 5-6 bulan, sebaik majikan dapat kesan rekod, dan saya akan kena buang kerja serta merta oleh majikan.*

(Amir / 29 April 2016/ 12.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*(iii) Latarbelakang pendidikan rendah dan kemahiran vokasional yang terhad*

Kajian ini juga mendapati kebanyakan bekas banduan yang menyertai kajian ini mempunyai latar pendidikan yang rendah, kemahiran kerja yang terhad dan tidak mempunyai sejarah pekerjaan yang stabil (Harlow, 2003; Raphael & Weiman, 2007; Uggen, 2000). Ketiadaan pendidikan dan kemahiran menyukarkan bekas banduan untuk mendapat pekerjaan yang berpendapatan tetap. Persaingan dengan individu yang bebas rekod jenayah dan mempunyai pendidikan yang tinggi menyebabkan majikan mempunyai pilihan dalam menggaji siapa yang mereka inginkan. Secara tidak langsung, keadaan ini menyisihkan bekas banduan daripada dunia pekerjaan. Suhaila dan Syamsul contohnya mengaku yang ketiadaan pendidikan menghalang mereka untuk memperoleh pekerjaan. Berikut adalah pernyataan yang dipetik daripada verbatim Suhaila apabila diminta mengulas mengenai hal ini:

*Fikir nak cari kerja, tapi fikir juga kerja apa yang saya boleh dapat. Lagi-lagi dengan rekod sebagai bekas banduan ini. Lagi-lagi ditambahkan dengan pendidikan pun saya tiada. Bila nak kerja di kedai pun, majikan nak tengok tahap pendidikan yang saya ada. Bila majikan tengok saya pernah terlibat dengan dadah, lagi siapa nak percaya. Sememangnya pendidikan banyak memberi kesan pada kejayaan saya memperolehi pekerjaan.*

(Suhaila / 29 April 2016/ 8.29 Pagi / Persatuan IKHLAS)

(iv) *Daya tahan kendiri yang lemah*

Kesukaran mencari pekerjaan disebabkan oleh rekod jenayah lampau, keengganan majikan mengajikan bekas banduan, ketiadaan pendidikan dan latar pendidikan yang rendah dan ketiadaan kemahiran kerja menyebabkan kebanyakan responden kajian ini berputus asa dan kecewa untuk berusaha (Andress et al., 2004; Bales & Mears. 2008; Holzer et al., 2004; Pettit & Lyons, 2007). Hampir semua responden kajian ini yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan menyatakan yang mereka merasa patah semangat untuk berusaha mencari kerja, serta ada di antaranya yang mengatakan yang mereka tidak mahu lagi mencari kerja.

*Majikan mahu pekerja yang bebas dari sebarang rekod. Majikan ini tidak pernah terfikir sama ada seseorang itu mungkin sudah berubah atau tidak. Keadaan seperti ini sering mematahkan semangat golongan macam kami ini (bekas banduan).*

(Muiz/ 28 April 2016/ 9.27 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Sememangnya perasaan marah itu ada, dan sedih juga ada, tapi hendak buat macam mana sekiranya majikan enggan mengajikan orang yang mempunyai rekod jenayah.*

(Rahimah/ 29 April 2016/ 9. 21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Selain kekecewaan dan patah semangat, ada juga responden yang tidak mahu mencari pekerjaan kerana sikap malas. Terdapat beberapa responden dalam kajian ini yang mengatakan mereka langsung tidak mahu bekerja. Suhaimi misalnya menyatakan ketagihan dadah yang dialami menyebabkan sukar untuknya komited dengan sebarang bentuk kerja. Menurut Suhaimi lagi, sekiranya bekerja, beliau pasti akan menyusahkan majikan. Begitu juga dengan Ramli. Ketagihannya terhadap dadah serta cara hidup seorang penagih dadah tegar membuatkan dia menjadi malas untuk bekerja. Ramli mengatakan dia lebih suka mencari jalan mudah seperti mencuri dan meragut yang membolehkan dia mendapat ‘duit singkat’ untuk membayai hidupnya. Antara pernyataan yang dipetik menerusi verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

*Sebab saya tahu bila saya telah terlibat dengan ketagihan dadah ini, saya tidak akan kekal lama dengan kerja yang diberi, nanti akan menyusahkan dia. Jadi saya memilih untuk tidak bekerja terus.*

(Suhaimi/ 28 April 2016/ 2. 41 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Bila hendak kerja ni, saya sebenarnya sudah menjadi malas dah. Jadi saya memilih untuk membuat pekerjaan yang singkat (bermaksud pekerjaan yang tidak sah dan melibatkan aktiviti yang melanggar jenayah) yang senang dapat duit.*

(Ramli/ 29 April 2016/ 2.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

(v) *Pengangguran*

Kesukaran memperolehi pekerjaan dan kegagalan memperolehi pekerjaan yang stabil menyebabkan kebanyakan bekas banduan terpaksa menganggur (Bales & Mears, 2008; Beale & Jones-Walker, 2004; Cochling & Schulte, 2013). Pengangguran menyebabkan kebanyakan daripada mereka mengalami masalah kewangan dan kesukaran untuk menyara kehidupan. Kesannya, kebanyakan daripada bekas banduan ini terpaksa melakukan semula jenayah bagi membiayai keperluan harian mereka. Pengangguran mempunyai dorongan yang cukup kuat untuk bekas banduan terlibat semula dalam aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang (Holzer et al., 2004; La Vigne, Visher & Castro, 2004).

Terdapat banyak kajian terdahulu yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengangguran dan pengulangan jenayah di dalam kalangan bekas penjenayah (Andress Wildes, Rechtine & Moritsugu, 2004; Petersilia, 2003; Raphael & Weiman 2007; Uggen 2000). Kajian ini juga mendapati pengangguran menyebabkan responden kajian beralih kepada cara-cara yang tidak sah untuk mendapatkan wang bagi menyara diri. Verbatim pertama yang menyatakan tentang pemilihan cara yang tidak sah dalam memprolehi pendapatan adalah dari responden yang bernama Hafiz. Hafiz mengatakan kesukaran mendapatkan kerja menyebabkan beliau menjadi kecewa dan mengambil keputusan untuk melakukan jalan mudah untuk memperolehi duit. Cerita Hafiz:

*Bila saya rasa kosong, bila saya dah terlibat dengan dadah, kerja sudah susah hendak saya perolehi, ada rekod jenayah, penjara, jadi saya rasa macam kecewa, macam putus asa, orang sudah tidak terima, macam sudah dipinggirkan, jadi saya mengambil jalan mudah (melakukan jenayah) lah selepas itu.*

(Hafiz/ 28 April 2016/ 12.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Malah, Rizal turut bersetuju yang pengangguran merupakan pencetus untuk bekas banduan melakukan jenayah bagi menampung kehidupan. Menurut beliau lagi, seseorang bekas banduan itu akan memilih untuk melakukan jenayah bagi mendapatkan duit. Beliau merupakan seorang responden yang berhenti dari jenayah yang memilih untuk berkhidmat dalam bidang kerja sosial apabila sedar kesukaran beliau memiliki kerja akibat mempunyai rekod jenayah walaupun memiliki sijil diploma. Berikut merupakan pendapat yang diberi apabila ditanya pandangan beliau tentang hubungkait antara pengangguran dengan jenayah dalam kalangan bekas banduan.

*Jenayah itu berlaku apabila dia patah hidup, tidak ada kerja, tidak ada apa-apa, macam mana hendak hidup, duit tidak ada, kita memerlukan duit, kadang-kadang itu yang membuatkan kita terjebak balik dengan jenayah, terpaksa melakukan balik jenayah bagi mendapatkan duit ini.*

(Rizal/ 28 April 2016/ 3.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Situasi yang sama turut dikenalpasti oleh responden seperti Suhaila, Rahimah, Nabil dan Amir yang mengatakan pengangguran yang dialami menyebabkan mereka memilih jalan mudah bagi mendapatkan duit. Mereka mencuri, merompak dan menjual dadah. Cerita mereka:

*Macam jenayah seperti pecah rumah, pecah kereta, habis bila sudah menghisap dadah, badan pula sudah menjadi kurus-kurus, orang sudah bagi barang (dimaksudkan dengan dadah), kita terpaksa cari duit lah, pergi kedai, masuk kedai, dan curi barang orang. Barang ini akan dijualkan semula dengan harga lebih murah. Ada permintaan untuk barang-barang curi ini.*

(Suhaila/ 29 April 2016/ 8.17 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Sebab sudah tidak ada kerja, tidak ada arah tujuan, cara yang paling mudah untuk mendapat duit, samun lah, jenayah lah.*

(Rahimah/ 29 April 2016/ 9.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Masa itu, belum ada lagi, selepas saya sudah bebas lebih kurang 3-4 tahun, saya masih gagal menemui kerja, baru saya mengambil jalan mudah dengan menjual dadah. Hendak membuat macam mana, asyik gagal sahaja memohon kerja, akhirnya rakan-rakan senasib juga lah yang memberi kerja dengan menjual dadah.*

(Nabil/ 29 April 2016/ 11.13 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Saya rasa bagi saya itu lah (pengangguran) yang menyebabkan saya mengulangi jenayah. Macam-macam saya melakukan sepanjang saya tidak mempunyai kerja tetap. Kadang-kadang saya pergi mencuri ke, kadang-kadang saya mencari barang (merujuk kepada dadah) untuk dijual ke, kadang-kadang tolong kawan jual ubat (merujuk kepada dadah juga), menjual dadah ke.*

(Amir/ 29 April 2016/ 12.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

#### *(B) Faktor majikan*

Keadaan ini diburukkan lagi dengan persepsi negatif majikan yang menambahkan lagi halangan kepada bekas banduan memperolehi pekerjaan. Stigma yang berlaku telah mewujudkan sempadan atau halangan ke atas bekas banduan. Bekas banduan yang distigma sering didiskriminasikan dan dielak oleh masyarakat sekeliling. Bekas banduan mengandaikan keengganan majikan untuk mengambil mereka bekerja kerana kebimbangan mampu memberi impak dari segi keselamatan kepada liabiliti syarikat begitu juga imej yang akan tercalit apabila mengambil bekas banduan sebagai pekerja. Majikan juga takut menjadi mangsa kecurian dan lain-lain bentuk kecurangan jika mereka mengupah bekas banduan dan perlu bertanggungjawab ke atas

jenayah yang dilakukan semasa bertugas. Menerusi temubual yang dilakukan, responden turut mengakui yang mereka didiskriminasi dalam proses pencarian kerja. Berikut merupakan verbatim yang menunjukkan stigma majikan untuk mengambil bekas banduan sebagai pekerja:

*Majikan bimbang mengambil bekas banduan ini sebagai pekerja, lagi-lagi bekas banduan ni kalau seorang ada masalah ketagihan dadah, majikan takut dia hisap kembali, sebab bila dia hisap kembali, kalau seorang ni buat hal, kadang-kadang beri masalah kepada majikan.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.23 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Pandangan serong majikan tentang bekas banduan macam saya ini, macam contoh saya bekerja di suatu sektor dan bila ada yang tahu saya bekas banduan, mungkin kalau ada hilang laptop kah, handphone kah, semua pekerja akan tuju pada kita atau menuduh kita melakukan, dan polis pun akan cari kita dulu, itu salah satu, kita macam marah sangat, sedangkan saya tak buat, tapi orang lain yang buat, Benda ini buat majikan tidak mahu mengambil bekas banduan ini bekerja. Jadi masalah pada mereka.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.14 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Saya memang ada niat untuk bekerja tetapi majikan ini pun memang tidak mahu bagi kalau orang yang macam saya ini. Majikan tengok rekod pun sudah tahu orang macam ini memang tidak boleh percaya. Sikap majikan bertambah diskriminasi lagi bila tahu saya ada penyakit pula. Lagi takut dia nak beri kerja.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.13 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Cara dia, cara perjalanan, cara percakapan seorang bekas banduan itu sendiri, menyebabkan majikan ini sudah boleh agak. Yang lain saya tak pasti lah. Sebagai contoh, situasi yang saya alami, apabila cara saya masuk ke dalam tempat hendak mencari kerja itu pun, cara mereka pandang saya pun, saya sudah boleh agak pada masa itu, yang saya tidak akan mendapat pun kerja. Pandangan mereka tu ada.pada bekas banduan ini.*

(Amir/ 29 April 2016/ 12.15 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

### ***Keperluan Sebuah Program Penempatan Pekerjaan Buat Bekas Banduan yang Dibebaskan***

Pertimbangan pengkaji tentang cadangan yang perlu diambil kira diletakkan di dalam bahagian ini berdasarkan beberapa impresi yang timbul daripada dapatan kajian yang dilampirkan dan analisis kajian yang dilakukan di atas. Secara keseluruhannya, kajian telah mendapati masih tidak terdapat lagi satu program khusus di dalam sistem keadilan jenayah Malaysia yang berfungsi dalam membantu bekas banduan ini memenuhi keperluan pekerjaan sebaik sahaja selesai menjalani hukuman penjara. Kerajaan menerusi agensi-agensi pemenjaraan dan pemuliharan awam dikatakan masih gagal menyediakan satu polisi atau legislatif sosial yang bertujuan dalam menyediakan bekas banduan ini ke dalam dunia pekerjaan dalam menghadapai kehidupan berintegrasi dan sekaligus berupaya untuk mengelakkan residivisme dalam kalangan bekas banduan yang baru dibebaskan.

Keadaan ini membawa kepada cadangan pembentukan sebuah program penempatan pekerjaan buat setiap bekas banduan dalam memenuhi keperluan yang diperlukan sebaik dibebaskan. Kajian mendapati responden mengatakan majikan agak berat hati untuk mengupah mereka disebabkan rekod kesalahan yang dipegang dan ketiadaan sejarah kerja yang membolehkan mereka mencari kerja yang baik (Holzer, 2000). Dengan itu, kajian ini mencadangkan agar sebuah program penempatan perkerjaan yang dapat disediakan di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia sebaik bekas banduan ini dibebaskan dari penjara. Malahan pelbagai kajian terdahulu telah membuktikan program pekerjaan yang disediakan kepada bekas banduan selepas tempoh pembebasan (*post-release employment*) ini di negara luar ternyata berkesan sebagai mekanisme pencegahan penting untuk mengelakkan bekas banduan dari terlibat semula di dalam kegiatan jenayah (Harrison & Schehr, 2004; Solomon et al., 2006; Uggen & Staff, 2001; Visher et al., 2008).

Program pekerjaan adalah pelbagai dalam jenis perkhidmatan yang boleh diberi. Jenis-jenis yang paling biasa dalam sebuah program pekerjaan adalah program persediaan kerja (*job readiness*), program peralihan kerja (*job transition*) dan program penempatan kerja (*job placement*). Biasanya, program persediaan kerja berlaku semasa banduan itu masih dipenjarakan dan menghampiri akhir tempoh pemenjaraan. Begitu juga dengan program peralihan (*job transition program*) yang bertujuan untuk membantu peralihan bekas banduan dalam mendapatkan kerja dari penjara ke dalam komuniti. Manakala program penempatan kerja (*job placement program*) berlaku selepas bekas banduan itu telah dibebaskan ke dalam masyarakat tanpa mengira sama ada di bawah pengawasan parol atau tanpa pengawasan. Walau bagaimanapun, kesemua jenis program pekerjaan ini berkongsi matlamat yang sama dalam memudahkan pembebasan bekas banduan yang lancar ke dalam masyarakat dengan menyediakan mereka pekerjaan dengan upah, dan dalam beberapa kes menyediakan bantuan tambahan dalam mencari penempatan (Redcross, Bloom, Jacobs, Manno, Muller-Ravett, Seefeldt, Yahner, Young, & Zweig 2010). Maka dengan itu, di dalam membentuk sebuah program integrasi semula yang efisien, kajian ini memfokuskan keperluan menyediakan program penempatan kerja (*job placement program*) kerana setiap bekas banduan yang dibebaskan sepastinya mempunyai beberapa kemahiran yang boleh digunakan dalam memastikan pemerolehan kerja sebaik dibebaskan.

Kajian ini menyarankan agar sebuah program penempatan kerja (*job placement program*) yang perlu direka untuk menempatkan bekas banduan di dalam industri pekerjaan untuk mempunyai peluang bekerja secara produktif dan memperoleh pendapatan selepas dibebaskan. Idea di sebalik program penempatan kerja (*job placement program*) adalah bagi mendidik bekas banduan tentang keperluan ketepatan masa, membangunkan etika kerja yang positif, belajar untuk bekerja di bawah pengawasan, mengambil pesanan dan arahan, berurusan dengan kritikan, dan bekerja secara produktif dengan rakan sekerja (Petersilia, 2003). Dalam memperkenalkan program penempatan kerja (*job placement program*) adalah perlu pertama sekali untuk mengenalpasti industri yang boleh mengajikan bekas banduan yang baru dibebaskan. Pengenalpastian industri termasuk membentuk hubungan perkongsian dengan syarikat-syarikat swasta untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan ini (Solomon et al., 2006). Program pekerjaan boleh berfungsi sebagai penunjuk kepada majikan yang berpotensi bahawa bekas banduan yang diambil sebagai pekerja mempunyai motivasi dan kemahiran untuk mengekalkan pekerjaan dan tugas kerja tersebut (Bushway, 2003). Namun demikian, adalah tidak dinafikan adalah sukar untuk menyakinkan para industri pekerjaan untuk turut serta mengambil bahagian di dalam program

seperti ini dan bersetuju dalam mengajikan bekas banduan sebagai pekerja di dalam sektor pekerjaan mereka. Maka dengan itu, sistem keadilan jenayah Malaysia dicadangkan agar dapat memperkenalkan atau membentuk suatu insentif dalam menyakinkan kehadiran para majikan untuk turut serta di dalam program penempatan pekerjaan tersebut (Arditi & Parkman, 2011) dan bersetuju untuk melatih pekerja baru, serta membantu bekas banduan dalam menyumbang semula ke dalam kejiranan dan masyarakat mereka.

Insentif yang boleh digunakan untuk menggalakkan lebih ramai majikan untuk mengupah bekas banduan adalah untuk menawarkan kredit cukai pendapatan atau potongan kepada majikan yang melakukan (Cochling & Schulte, 2013). Kajian ingin mengambil contoh yang dilakukan oleh *Georgia Department of Laboral* yang memperkenalkan kredit cukai persekutuan dikenali sebagai *Work Opportunity Tax Credit* (WOTC), yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang bersedia mengambil pekerja dari kumpulan sasaran tertentu yang telah menghadapi halangan besar kepada pekerjaan. Terdapat tiga cara kerajaan boleh melakukan ini adalah dengan melaksanakan program ikatan (*partnership*), kredit cukai (potongan) dan turut menyediakan perlindungan liabiliti kepada majikan yang turut serta dalam pemberian kerja kepada bekas banduan (Cochling & Schulte, 2013). Dengan itu sistem keadilan jenayah boleh menyediakan insurans untuk melindungi majikan daripada permasalahan yang dilakukan pekerja. Hal ini kerana dengan mengambil bekas banduan, majikan cenderung untuk menghadapi ancaman liabiliti sivil dalam pengambilan pekerja. Majikan juga harus disediakan dengan maklumat dan nasihat mengenai undang-undang yang melibatkan pengambilan bekas banduan sebagai sumber pekerja di tempat mereka. Sebagai satu cara untuk kebimbangan ini, perlindungan liabiliti boleh memastikan bakal majikan dilindungi dalam mengambil bekas banduan yang mempunyai rekod jenayah (Redcross et al. 2010; Redcross, Millenky, Rudd & Levshin 2012).

Selain daripada menyediakan pekerjaan, intervensi yang perlu ada di dalam program pekerjaan untuk bekas banduan juga seharusnya disepadukan dan merangkumi latihan kerja, peluang untuk menyambung pelajaran, perkhidmatan bimbingan, penyediaan *resume*, kemahiran untuk menjalani proses temuduga dan bantuan kewangan untuk mencari kerja (Bushway, 2003). Latihan sebegini berupaya untuk membentuk kemahiran sosial kepada bekas banduan dalam menempuh alam pekerjaan. Ianya menjadi keperluan majikan pada masa kini untuk mengambil pekerja dari kalangan yang mempunyai kemahiran. Maka pemberian program latihan sebegini dianggap mampu memberi kelebihan kepada bekas banduan. Program sebegini dijangka dapat memberi output yang tidak ternilai kepada negara dan berusaha dalam memastikan bekas banduan menjadi individu yang produktif dan menyumbang kepada pendapatan negara.

## **Penutup**

Menerusi pengenalpastian keperluan pekerjaan dalam kalangan bekas banduan dan impak pengangguran yang wujud, ianya berupaya memberi gambaran yang jelas tentang apa yang dihadapi bekas banduan dalam proses berintegrasi semula. Kajian ini cuba membincangkan cabaran yang dilalui bekas banduan di Malaysia ini sebagai suatu indikator penting dalam membawa kepada keperluan pembentukan sebuah program penempatan pekerjaan buat bekas banduan daripada hasil temu bual yang dijalankan. Walaupun program penempatan pekerjaan yang disyorkan ini dijangka akan berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, pengkaji berharap ia tidak akan membantutkan atau menjadi penghalang untuk sistem pengadilan jenayah negara ini untuk cuba melaksanakannya. Pengkaji yakin bahawa program penempatan

pekerjaan ini merupakan satu program yang efisien, yang bukan sahaja mampu memastikan perbelanjaan dan pembiayaan institusi pemenjaraan dapat digunakan dengan sebaik mungkin, malah, dapat membantu peralihan bekas banduan banduan yang dibebaskan dengan lebih lancar.

Dalam merealisasikan sebuah program penempatan pekerjaan di dalam sistem keadilan jenayah, perkara penting yang perlu diambil kira adalah mengenalpasti majikan-majikan yang relevan dan bersesuaian di dalam negara untuk berkerjasama dalam pemberian pekerjaan. Kejayaan bekas banduan untuk berintegrasi dengan baik memerlukan bantuan sepenuhnya dari setiap pihak. Kolaboratif di dalam sistem keadilan jenayah adalah bertujuan untuk mengatasi keterbatasan pendekatan tradisional terhadap isu keadilan dengan mengumpulkan kumpulan berkepentingan untuk berkongsi informasi dan berkerjasama untuk membentuk program penempatan pekerjaan untuk bekas banduan.

Secara idealnya, sebuah pasukan yang terdiri daripada agensi keadilan jenayah dan kumpulan berkepentingan yang berkolaboratif bersama dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan. Kumpulan berkepentingan dan agensi yang bersesuaian yang berkhidmat sebagai penyedia perkhidmatan harus menjadi peserta aktif dalam kolaborasi agar dapat membentuk sebuah program pekerjaan yang dapat diberikan kepada bekas banduan. Badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Persatuan sedia ada di Malaysia tidak seharusnya bergerak secara individu berlandaskan objektif yang dipegang masing-masing. Hal ini kerana setiap daripada mereka yang mempunyai kapasiti yang berbeza-beza ini harus bergerak bersama dalam membentuk sebuah program penempatan pekerjaan yang menyeluruh. Kajian ini ingin mencadangkan sebuah program penempatan pekerjaan yang dijalankan di dalam komuniti dengan pemantauan yang sewajarnya harus dilaksanakan segera dalam memastikan produktiviti bekas banduan sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti.

## Rujukan

- Aaltonen, M., Macdonald, J., Martikainen, P & Kivivuori, J. (2013). Examining the generality of the unemployment–crime association. *Criminology*, 51(3), 561-594.
- Aaltonen, M., Skardhamar, T., Nilsson, A., Andersen, L & Backman, O. (2017). Comparing employment trajectories before and after first imprisonment in four Nordic Countries. *The British Journal of Criminology*, 57(4), 828–847.
- Andress, D., Wildes, T., Rechtine, D & Moritsugu, K.P. (2004). Jails, prisons, and your community's health. *Journal of Law, Medicine and Ethics*, 32(4), 50-51.
- Andrew, D. A. & Dowden, C. (2006). Risk Principle in Case Classification in Correctional Treatment: A Meta-Analytic Investigation. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 50: 88-100.
- Aos, S., Miller, M., & Drake, E. (2006). *Evidence-based adult corrections programs: What works and what does not*. Olympia, WA: Washington State Institute for Public Policy.
- Arditti, J. A., & Parkman, T. 2011. Young Men's Reentry after Incarceration: A Developmental Paradox. *Family Relations*, 60: 205- 220.
- Baharom, A., & Habibullah, A. (2008). *Is Crime Cointegrated with Income and Unemployment? A Panel Data Analysis on Selected European Countries*. Germany: University Library of Munich.
- Baharom, A., & Habibullah, M. (2009). Crime and income inequality: The case of Malaysia.

*Journal of Politics and Law*, 2(1), 55-70.

- Bales, W & Mears, D. (2008). Inmate social ties and the transition to society: Does visitation reduce recidivism? *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 45(3), 287-321.
- Baron S. (2008). Street Youth, Unemployment, and Crime: Is It that Simple? Using General Strain Theory to Untangle the Relationship. *Canadian Journal of Criminology and Criminal Justice*, 50(4): 399–434.
- Beale, S., & Jones-Walker, C. (2004). Interventions and services offered to former juvenile offenders reentering their communities. *Youth Violence and Juvenile Justice*, 2(1), 88-97.
- Bellair, P & Kowalski, B.R. (2011). Low-skill employment opportunity and African American-White difference in recidivism. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 48(2), 176–208.
- Berg, M. & Huebner, B. (2011). Reentry and The Ties that Bind: An Examination of Social Ties, Employment, and Recidivism. *Justice Quarterly*, 28(2): 382-410.
- Buck, M. (2000). *Getting back to work: Employment programs for ex-offenders. Field Report Series*. Philadelphia, PA: Public/Private Ventures.
- Bushway, S. (2003). *Employment Dimensions of Reentry: Understanding the Nexus between Reentry and Work*. Washington, DC: The Urban Institute.
- Bushway, S & Reuter, P. (2002). Labor markets and crime. Crime. Dalam J.Q. Wilson & J. Petersilia (Eds.), *Public policies for crime control* (pp. 198-241). Oakland: Institute for Contemporary Studies.
- Chappell, C. (2004). “Post-Secondary Correctional Education and Recidivism: A Metaanalysis of Research Conducted From 1990-1999.” *Journal of Correctional Education* 55(2):148-169.
- Cochling, E. & Schulte, M. (2013). *Increasing Employment Opportunities for Ex-Offender: Policy Recommendations for the State of Georgia*, Georgia Centre for Opportunity Michael Schulte.
- Denver, M., Siwach, G & Bushway, S. (2017). A new look at the employment and recidivism relationship through the lens of a criminal background check. *Criminology*, 55(1), 174-204.
- Erisman, W. & Contardo, J. (2005). *Learning to Reduce Recidivism: A 50-State Analysis of Postsecondary Correctional Education Policy*. Washington, DC: The Institute for Higher Education Policy.
- Fashey, J., Roberts, C. & Engel, L. (2006). *Employment of Ex-Offenders: Employer Perspectives*. Massachusetts Executive Office of Public Safety: Crime & Justice Institute.
- Giguere, R & Dundes, L. (2002). Help wanted: a survey of employer concerns about hiring ex convicts. *Criminal Justice Policy Review* 13(4), 396–408.
- Gottfredson, M. & Hirschi, T. (1990). *A General Theory of Crime*. Standford: Stanford University Press.
- Hanson, R & Harris, A. (2000). Where should we intervene? Dynamic predictors of sex offense recidivism. *Criminal Justice and Behavior*, 27(1), 6-35.
- Hanson, R., & Morton-Bourgon, K. (2005). The Characteristics of Persistent Sexual Offenders: A Meta-Analysis of Recidivism Studies. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 73:1154-1163.
- Harlow, C. (2003). *Education and Correctional Populations*. Bureau of Justice Statistics, U.S. Department of Justice.
- Harrison, B. & Schehr, R. (2004). Offenders and Post-Release Jobs: Variables Influencing Success

- and Failure. *Journal of Offender Rehabilitation*, 39(3): 35-68.
- Hollin, C. & Palmer, E. (2009). "Cognitive Skills Programmes for Offenders." *Psychology, Crime & Law*, 15(2&3):147-164.
- Holzer, H. (2000). *Employers' Attitudes Toward Hiring Ex-Offenders*. Kertas dibentang di Economic Policy Institute Conference, Washington, DC.
- Holzer, H., Raphael, S. & Stoll, M. (2004). Will Employers Hire Ex-Offenders?: Employer Preferences, Background Checks, and Their Determinants. in *Imprisoning America: The Social Effects of Mass Incarceration*, ed. Mary Patillo, David F. Weiman, & Bruce Western. New York: Russell Sage Foundation.
- Jabatan Penjara Malaysia (2012). Rumah perantaraan atau halfway house. Diakses pada 27 Februari 2018 dari Laporan Inisiatif Inovasi (Jabatan Penjara Malaysia): [http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan\\_inovasi/558-rumah-perantaraan-halfway-house.pdf](http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/558-rumah-perantaraan-halfway-house.pdf)
- Jabatan Penjara Malaysia (2017). Jumlah Banduan Residivis, 2000-2016. Diakses Unit Sistem Maklumat pada 25 Mei 2017 dari: <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/kepenjaraan>
- Kazemian, L & Maruna, S. (2009). Desistance from crime. Dalam M.D. Krohn, A.J. Lizotte, & G.P. Hall (Eds.), *Handbook on crime and deviance* (pp. 277 – 295). New York: Springer Science.
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen dan Norulhuda Sarnon (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol: ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *e-Bangi*, 8(2), 1-10.
- Kruttschnitt, C., Uggen, C & Shelton, C. (2000). Predictors of desistance among sex offenders: the interaction of formal and informal social controls. *Justice Quarterly*, 17(1), 61- 87.
- Kurlychek, M., Brame, R. & Bushway, S. (2006). Scarlet Letters and Recidivism: Does An Old Criminal Record Predict Future Offending. *Criminology & Public Policy*, 5:483–504.
- Kurlychek, M. Bushway, S. & Brame, R. (2012). Long- Term Crime Desistance and Recidivism Patterns – Evidence from the Essex County Convicted Felon Study. *American Society of Criminology* 50(1): 71-103
- La Vigne, N., Davies, E., Palmer, T., & Halberstadt, R. (2008). *Release Planning for Successful Reentry: A Guide for Corrections, Service Providers, and Community Groups*. Washington, DC: Urban Institute, Justice Policy Center.
- La Vigne, N., Brooks, L., and Shollenberger, T. (2007). *Returning Home: Exploring the Challenges and Successes of Recently Released Texas Prisoners*. Washington, D.C.: Urban Institute Press.
- La Vigne, N., Visher, C & Castro, J. (2004). *Chicago prisoners: Experiences returning home*. Washington, DC: Urban Institute.
- Levenson, J. (2009). Sex Offense Recidivism, Risk Assessment, and the Adam Walsh Act. *Sex Offender Law Report*, 10(1): 1-6.
- Malott, M & Fromader, A. (2010). Male inmate Perspective on reducing recidivism rates through post-incarceration resources. *Journal of Criminology*.
- McGrath, R., Lasher, M., & Cumming, G. (2011). *A Model of Static and Dynamic Sex Offender Risk Assessment*. National Criminal Justice Reference Service.
- McMackin, R., Tansi, R & Lafratta, J. (2004). Recidivism among juvenile offenders over periods ranging from one to twenty years following residential treatment. *Journal of Offender Rehabilitation*, 38(3), 1-15.

- Meredith, T., Speir, J. & Johnson, S. (2007). Developing and Implementing Automated Risk Assessments in Parole. *Justice Research and Policy*, 9(1): 1–24.
- Morenoff, J. & Harding D. (2011). *Final Technical Report: Neighborhoods, Recidivism, and Employment among Returning Prisoners*. Washington, DC: National Institute of Justice;
- Pager, D. (2003). The mark of a criminal record. *American Journal of Sociology*, 108(5), 937–75.
- Petersilia, J. (2003). *When Prisoners Come Home: Parole and Prisoner Reentry*. New York: Oxford University Press.
- Pettit, B. & Lyons, C. (2007). “Status and the Stigma of Incarceration: The Labor-Market Effects of Incarceration, by Race, Class, and Criminal Involvement.” in *Barriers to Reentry? The Labor Market for Released Prisoners in Post-Industrial America*, ed. Shawn Bushway, Michael Stoll, & David Weiman. New York: Russell Sage Foundation.
- Ramakers, A., Apel, R., Nieuwbeerta, P., Dirkzwager, A & Wilsen, J. (2014). Imprisonment length and post-prison employment prospects. *Criminology*, 52(3), 399-427.
- Raphael, S & Weiman, D. (2007). The impact of local labor-market conditions on the likelihood that parolees are returned to custody. Dalam S. Bushway, M.A. Stoll, & D. Weiman (Eds.), *Barriers to reentry? The labor market for released prisoners in post-industrial* (pp. 304-342). United States of America: Russell Sage Foundation.
- Redcross, C., Bloom, D., Jacobs, E., Manno, M., Muller-Ravett, S., Seefeldt, K., Yahner, J., Young, Jr., A., & Zweig, J. (2010). *Work After Prison: One-Year Findings from the Transitional Jobs Reentry Demonstration*. Technical Report. MDRC. New York, NY.
- Redcross, C., Millenky, M., Rudd, T., & Levshin, V. (2012). *More than a job: Final results from the evaluation of the Center for Employment Opportunities (CEO) transitional jobs*
- Rossmann, S. & Roman, C. (2003). *Case-Managed Reentry and Employment: Lessons from the Opportunity to Succeed Program*. Washington, DC: The Urban Institute, Justice Police Center.
- Sampson, R., Laub, J. & Wimer, C. (2006). Does Marriage Reduce Crime?: A Counterfactual Approach to Within-Individual Causal Effects. *Criminology* 44(3): 465-507.
- Solomon, A., Johnson, K., Travis, J & McBride, E. (2004). *From prison to work: The employment dimensions of prisoner reentry: A report of the reentry roundtable*. Washington, D.C.: Urban Institute.
- Solomon, A., Visher, C., La Vigne, N. & Osbourne, J. (2006). *Understanding the Challenges of prisoner reentry: Research findings from the Urban Institute's prisoner reentry portfolio*. Washington, DC: The Urban Institute.
- Steurer, S. & Smith, L. (2003). *Education Reduces Crime: Three-State Inmate Recidivism Study*. Lanham, MD: Correctional Education Association.
- Stoll, M & Bushway, S. (2008). The effect of criminal background checks on hiring ex-offenders. *Criminology*, 7(3), 371-404.
- Travis, J. (2005). *But they all come back: Facing the challenges of prisoner reentry*. Washington, DC: The Urban Institute Press.
- Uggen, C. (2000). Work as a turning point in the life course of criminals: a duration model of age, employment, and recidivism. *American Sociological Review* 65(4), 529- 546.
- Uggen, C. & Staff, J. (2001). Work as a Turning Point for Criminal Offenders. *Corrections Management Quarterly* 37(4): 347-368.
- Vacca, J. (2004). “Educated Prisoners are Less Likely to Return to Prison.” *Journal of Correctional Education*, 55(4): 297-305.
- Visher, C., Bebus, B. & Yahner, J. (2008). *Employment after prison: A longitudinal study of*

- releases in three states.* Washington, DC: The Urban Institute.
- Wadsworth, T. (2006). The Meaning of Work: Conceptualising the Deterrent Effect of Employment on Crime among Young Adults. *Sociological Perspectives*, 49(3):343-368.
- Wan Roslili Abd. Majid & Najibah Mohd Zain. (2014). Isu dalam penahanan dan pemulihan banduan di Malaysia. *Jurnal Kanun*, 27(1), 143-168.
- Wang, X., Mears, D & Bales, W. (2010). Race-specific employment contexts and recidivism. *Criminology*, 48(4), 1171–1211.
- Winterfield, L., Coggeshall, M., Burke-Storer, M., & Correa V. & Tidd, S. (2009). *The Effects of Postsecondary Correctional Education—Final report*. Urban Institute, Washington, DC: Justice Policy Center.